

For internal circulation in the International Medical University ONLY



CENTRE FOR BIOETHICS AND HUMANITIES

**Bachelor of
Medicine & Surgery, Dental Surgery, Pharmacy, Nursing,
Biomedical Sciences, Medical Biotechnology, Pharmaceutical
Chemistry, Nutrition, Dietetics with Nutrition, Psychology,
Chiropractic, Chinese Medicine**

(PELAJAR ANTARABANGSA SAHAJA)

BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 2

**MPU3143
(3 Kredit)**

2022

PANDUAN MODUL

TAJUK: BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 2

TAHAP: Semester 1

KOD: MPU 3143

PROGRAM: Semua

SINOPSIS

Kursus ini melatih pelajar antarabangsa untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu asas yang meliputi situasi kehidupan harian. Pelajar akan diperkenalkan dengan pertuturan dan penulisan bahasa Melayu mudah. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah, tutorial, tugas dan pengalaman pembelajaran pelajar di dalam dan di luar kelas. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan dapat berkomunikasi dan menulis menggunakan ayat mudah dengan berkesan.

OBJEKTIF:

Objektif kursus ini ialah:

1. Mendedahkan pelajar dengan kemahiran membaca dan menjelaskan maksud teks,
2. Melatih pelajar berkomunikasi dengan ayat mudah dan berlapis berdasarkan pelbagai situasi harian,
3. Mengaplikasikan idea yang kreatif dan sistematik dalam penulisan karangan yang berkesan.

HASIL PEMBELAJARAN:

Pada akhir pembelajaran kursus ini, pelajar boleh:

CLO1: membaca dan menjelaskan maksud teks penuh (C2, PLO1)

CLO2: bertutur dalam pelbagai situasi dengan menggunakan ayat mudah dan ayat berlapis (C3, PLO3)

CLO3: menyusun idea secara kreatif dan sistematik dalam penulisan karangan pendek (C6, PLO5)

MASA PEMBELAJARAN

MASA BERPANDU:		JUMLAH MASA BERPANDU DAN PEMBELAJARAN KENDIRI	
Kuliah	16 jam	Kuliah	16 jam
Tutorial	18 jam	Tutorial	18 jam
E-Learning	8 jam	E-Learning	8 jam
		Penilaian (Berterusan & Peperiksaan Akhir)	22 jam
		Pembelajaran Kendiri	56 jam
JUMLAH	42 Jam	JUMLAH	120 jam

PENILAIAN

Penilaian Berterusan:

Ujian Kelas 20%

Ujian Kelas merangkumi tatabahasa. Terdapat 10 soalan objektif dan 5 soalan struktur. Ujian ini membolehkan pelajar mengenal pasti sistem bunyi, sistem ejaan rumi, kosa kata dan tatabahasa Melayu dalam ayat mudah.

Objektif: Melatih pelajar supaya berupaya mengenal pasti elemen penting dalam tatabahasa.

Pembentangan - Ucapan Individu 20%

Pelajar akan diberikan salah satu topik dari empat topik berdasarkan pelbagai situasi secara rawak. Pelajar akan mengulas/berucap mengenai topik tersebut dalam masa 3-5 minit. Penilaian ini membolehkan pelajar mengenal pasti teknik-teknik khusus berkomunikasi dalam perbualan formal atau tidak formal.

Objektif: Melatih pelajar supaya dapat berkomunikasi dengan lebih baik secara individu dalam bentuk formal dan tidak formal.

Projek 30%

Pelajar dikehendaki membentuk sebuah kumpulan yang terdiri daripada 3-5 orang. Setiap kumpulan dikehendaki membuat pembentangan/rakaman video yang berdurasi 5-7 minit mengenai destinasi menarik di Malaysia. Pelajar perlu memasukkan salah satu elemen kesenian dan kebudayaan masyarakat Malaysia (tarian, muzik, pakaian, permainan dan makanan) dalam destinasi yang telah dipilih. Contoh: Melaka – Makanan Masyarakat Baba & Nyonya.

Objektif: Tugasan ini mendedahkan pelajar dengan situasi sebenar dalam mendapatkan maklumat, meminta dan memberi cadangan tentang destinasi menarik di Malaysia. Melatih kemahiran berkomunikasi.

Peperiksaan Akhir

Peperiksaan bertulis 30%

Pelajar dikehendaki menjawab 2 soalan eseai berdasarkan pelbagai topik. Masa yang diperuntukan ialah 1 jam dan 30 minit

KETUA MODUL: Sharina Abdullah

PENSYARAH: Sharina Abdullah

Nurul Hidayah Binti Badrul Ezan

SILIBUS:

1. **Bunyi dan Sebutan I** (*Kuliah 2 jam, Tutorial 2 jam*)
2. **Bunyi dan Sebutan II** (*Kuliah 2 jam, Tutorial 2 jam*)
3. **Saya, Kawan dan Keluarga I** (*Kuliah 1 jam, Tutorial 2 jam-Online*)
4. **Saya, Kawan dan Keluarga II** (*Kuliah 2 jam, Tutorial 2 jam*)
5. **Persekutaran I** (*Kuliah 1 jam, Tutorial 2 jam-Online*)
6. **Persekutaran II** (*Kuliah 2 jam, E-learning 2 jam*)
7. **Situasi Perbualan I** (*Kuliah 2 jam, Tutorial 2 jam*)
8. **Situasi Perbualan II** (*Kuliah 2 jam, Tutorial 2 jam, E-learning 2 jam*)
9. **Percutian I** (*E-learning 4 jam, Tutorial 2 jam*)
10. **Percutian II** (*Kuliah 2 jam, Tutorial 2 jam*)

KEHADIRAN

Modul ini mempunyai 10 sesi pengajaran dan pembelajaran termasuk pembentangan. Pelajar yang gagal mencapai 75% kehadiran atau tidak hadir lebih daripada dua sesi tanpa sebab yang sah akan berisiko untuk **GAGAL** modul.

RUJUKAN UTAMA:

Yong Chyn Chye, Rohaidah Mashudi, Maarof Abd Rahman. 2012. *Bahasa kebangsaan untuk pelajar luar negara: Malay Language for international students*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia.

Zarina Othman, Roosfa Hashim & Rusdi Abdullah. 2012. *Modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa*. KPT: Penerbit UKM Press.